



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	13/1/2011

# Debat Program 100 Hari tiada hasil

Rakyat kena nilai sendiri janji pembangkang, fakta dikemuka kerajaan: Najib

Oleh Johari Ibrahim  
[joib@bharian.com.my](mailto:joib@bharian.com.my)

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau tidak nampak ada hasil daripada perdebatan terbuka berkaitan isu janji pakatan pembangkang yang dinyatakan dalam Program 100 Hari jika menang pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting ialah penilaian rakyat terhadap janji berkenaan dan fakta yang dikemukakan kerajaan.

"Kalau hendak berdebat, kita mesti ada sesuatu hasil daripada debat itu (tetapi) saya tidak nampak ada hasil. Jadi, yang penting sekali ialah penilaian rakyat," kata-

nya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Ramah Mesra bersama Juara Piala AFF Suzuki di Seri Perdana di sini semalam.

Beliau berkata, kerajaan juga akan membentangkan faktanya berhubung isu berkenaan yang kemudian akan dinilai rakyat.

"Kita akan membuat pembentangan kita dan dia (pembangkang) akan buat pembentangan dia...kita boleh buat macam-macam penilaian atas perancangan, biar rakyat menentukan," katanya.

Perdana Menteri diminta mengulas cabaran Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk berdebat secara terbuka berhubung isu janji Program 100 Hari pembangkang yang di-

kemukakan ketika konvensyen pakatan pembangkang baru-baru ini.

Bagaimanapun, Selasa lalu, Najib membidas sikap tidak bertanggungjawab pembangkang yang menggugulkan rakyat dengan janji kononnya akan membawa pelbagai perubahan dalam tempoh 100 hari jika menang pilihan raya umum

*" Kalau hendak berdebat, kita mesti ada sesuatu hasil daripada debat itu (tetapi) saya tidak nampak ada hasil"*

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

akan datang.

Najib berkata, janji Program 100 Hari itu adiah tindakan populis atau mencari populariti serta tidak berpaksi kepada realiti kerana tidak menyatakan punca kewangan bagi membiayai semua program yang dijanjikan.

Bagaimanapun Perdana Menteri semalam berkata, beliau tidak akan menghangal jika ada sesiapa daripada Barisan Nasional (BN) yang mahu berdebat berkaitan isu berkenaan.

"Itu terserah kepada masing-masing, saya tidak akan menghalang mereka," katanya.

Mengulas penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk meneliti kaedah siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) yang diumumkan baru-baru ini, Perdana Menteri berkata ia masih dalam proses dan mengesahkan sedang meneliti beberapa nama.

Katanya, beliau juga belum menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin kerana baginda tidak berada dalam negara.

Najib berkata, Kabinet semalam membincangkan mengenai isu novel *Interlok* tetapi belum ada sebarang keputusan dibuat.

"Kita minta supaya kaum India memilih beberapa orang untuk berdialog dengan Kementerian Pelajaran supaya kita dapat tentukan cara mana kita boleh menenangkan keadaan ini," katanya.